

SIT 24/10/2019 n/s 11

# Nelayan tempatan terpaksa guna kru asing

**SHAH ALAM** - Majoriti pemilik bot nelayan tempatan terpaksa menggunakan tenaga kerja warga asing untuk menangkap ikan di laut termasuk di pesisir pantai atas pelbagai faktor mendesak.

Pengerusi Persatuan Nelayan Hai San Sungai Besar, Selangor, Sia Chock Sung, misalnya, mengakui majoriti pemilik bot nelayan di kawasannya terpaksa menggaji warga asing kerana kekurangan pekerja tempatan.

Menurutnya, kira-kira 90 peratus pemilik bot tempatan di kawasan itu menggunakan kru warga asing iaitu rata-ratanya dari Myanmar, Thailand dan Indonesia sama ada memiliki permit ataupun tidak.

"Di kawasan ini kebanyakan yang gunakan tenaga kerja asing ini ialah pemilik bot kelas B, kelas A tak ada yang guna."

"Mereka terpaksa gajikan warga asing kerana tak ada orang tempatan yang mahu kerja sebagai kru bot. Orang muda di kampung-kampung sekarang pun dah tak ramai sebab ramai yang berhijrah cari kerja di bandar," katanya.

Kata Chock Sung, setakat ini kerajaan hanya membenarkan bot kelas C menggaji warga asing dan ia tidak dibenarkan bagi bot kelas B dan kelas A.

Katanya, disebabkan situasi itu pihaknya memohon kerajaan mempertimbangkan untuk memberi kelonggaran kepada pemilik bot nelayan kelas B untuk menggunakan nelayan asing agar tiada lagi kes penggunaan tenaga asing tanpa permit.



**Pemilik bot terpaksa menggaji warga asing kerana orang tempatan tidak berminat bekerja sebagai nelayan.**